

Hayati gaya kepimpinan PM

Um - 6/8/2006

JERANTUT 5 Ogos - Ahli UMNO perlu memahami gaya kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berlainan daripada kepimpinan sebelumnya.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Mustapha Mohamad berkata, ia bertujuan memudahkan Perdana Menteri meheruskan agenda pembangunan negara yang dirancang.

Beliau berkata, ketika ini Abdullah gigih meningkatkan bidang pertanian dalam usaha membasmu kemiskinan di luar bandar menjelang 2010.

"Pendekatan Abdullah su-

dah menampakkan kejayaan pembangunan negara khususnya ekonomi penduduk luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Jerantut di sini hari ini.

Sehubungan itu Mustapha berkata, amat wajar ketika ini ahli-ahli UMNO menumpahkan taat setia dan menghayati gaya kepimpinan Perdana Menteri setulus hati.

"Ini kerana dia (Pak Lah) mempunyai cara dan pendekatan tersendiri," kata beliau.